

**Teknik Mengesan Kesalahan Ejaan**

1. Kenal pasti jenis kesalahan yang hendak dibetulkan.
2. Baca ayat berulang-ulang kali untuk mengenal pasti kesalahan yang terdapat dalam ayat tersebut.
3. Teliti setiap perkataan dan cuba kaitkan dengan hukum tatabahasa yang telah dipelajari.

Kata Pinjaman		Imbuhan Pinjaman		Kata Majmuk		Angka	
Salah	Betul	Salah	Betul	Salah	Betul	Salah	Betul
pekej	pakej	auto-mobil	automobil	gambarajah	gambar rajah	ke 12	ke-12
lanskap	landskap	pasca-siswazah	pascasiswazah	aturcara	atur cara	ke 20	ke-20
profession	profesion	pra-universiti	prauniversiti	temuduga	temu duga	50 an	50-an
kimoterapi	kemoterapi	eka-bahasa	ekabahasa	pillhanraya	pilihan raya	90 an	90-an
bowling	boling	antiAmerika	anti-Amerika	pasaraya	pasar raya	abad 11	abad ke-11
komisyen	komisen	tuna karya	tunakarya	senireka	seni reka	abad ke XI	abad ke-XI

**Praktis Berformat UASA****BAHAGIAN B****Kesalahan Ejaan dalam Ayat**

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. **ARAS R**

**Praktis 1**

- (i) Sebuah keretapi barang telah tergelincir petang semalam di Bukit Mertajam.

---

- (ii) Hasil eksport minyak kelapa sawit negara kita ke luar negara semakin meningkat dari semasa ke semasa.

---

- (iii) Puan Zalilah membeli kereta secara ansurans selama tujuh tahun.

---

**Praktis 2**

- (i) Kejadian anih yang berlaku di kampung itu telah menggemparkan penduduk.

---

- (ii) Beberapa orang pelakun dari Korea Selatan akan datang ke Malaysia untuk menjalani penggambaran filem terbaharu mereka.

---

- (iii) Sikap antiBarat yang diperlihatkan oleh rakyat di kebanyakan negara berpunca daripada kezaliman mereka yang menyokong peperangan.

---